

## TENTANG KASIH

Copyright © 2000 by Tan Man Ho  
All rights reserved

ISBN: 983-9486-04-7

1<sup>st</sup> Impression                      March 31, 2000  
2<sup>nd</sup> Impression (Revised)        January 14, 2008

*No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical, including photocopy, recording, or any data storage and retrieval system now known or be invented, without the prior consent in writing from the author or the copyright holder, including right of review for inclusion in magazine, newspaper, or broadcast, except for quotation of brief passages in criticism.*

Printed privately  
Published and distributed for clients and research fellows by:

Professor Dr. Tan Man Ho  
Fourthway ManHo Center  
55, Jalan Damai 9, Taman Damai, 81400 Senai,  
Johor. Malaysia  
Tel/Fax: +607-5909 688    HP: +6012-2455 127  
E-mail:tanmanho@hotmail.com  
Website:  
<https://www.tanmanho.com>

## PRAKATA

Inilah buku kecil penterjemaaan dari sebuah buku inggeris berjudul *On Love* yang dikarang oleh seorang pemikir barat yang termasyhur bernama A.R Orage.

Kecuali tajuk yang terakhir iaitu '*The Ocean of Sex*' kesemua bab-bab dari buku Orage telahpun dijelmakan dengan teliti.

Tujuan penulis penterjelmaan membuat penterjelmaan buku ini adalah untuk memberi peluang kepada kalangan rakyat yang tidak tahu Bahasa Inggeris untuk memahami pemikiran A.R Orage yang bermutu tinggi ini.

Akhir sekali, penulis penterjelmaan buku ini berharap agar boleh membantu peminat-peminat *Fourth Way* untuk mengembangkan pendidikan ini dikalangan golongan Bahasa Melayu.

Tarikh: Januari 14, 2008

*Professor Dr. Tan Man Ho*  
*Professor Psychophilosophy*

## TENTANG KASIH

Kamu harus sedar sekurang-kurangnya tiga jenis kasih (sebenarnya ada tujuh semua sekali); kasih naluri (*kasih sayang naluri atau kasih 'cinta'*), kasih emosi (*kasih sayang emosi*) dan kasih sedar (*kasih sayang bersedar*). Kasih naluri dan kasih emosi boleh dipelajari tetapi kasih sedar itu jarang dijumpai kerana ia tergantung kepada usaha dan kecerdasan. Kasih naluri berasa dari proses kimia. Semua kajihayat itu berasa dari kimia, atau mungkin lebih baik kita sebutkannya sebagai alkimia; dan sifat-sifat kasih naluri yang menyebabkan tarikan-tarikan, tolakan-tolakan, gabungan-gabungan mekanik dan kekimiaan yang sering berkiat dengan kasih seperti pembujukan, perkahwinan, kanak-kanakan dan keluarga hanya membayang proses-proses yang dilakukan didalam makmal pakar kimia. Tetapi siapakah pakar kimia disini? Kita namakan dia Alamsemulajadi. Tetapi siapa dia Alamsemulajadi? Mungkin kita sedar bahawa sayur yang berjenis lain itu di sebabkan oleh pekebun. Oleh sebab kasih sayang naluri itu berkimia maka kekuatan dan kekekalannya tergantung kepada kualiti bahan-bahan yang membinanya. Ini boleh diketahui dan disukat oleh orang yang faham progresi (pengembangan

proses) alkimia yakni dinamakan perwarisan. Ramai orang percaya bahawa perkahwinan yang suka atau duka itu adalah faktor perwarisan. Begitu juga telah dianggap bahawa jumlah anak, jantina anak, lanjutan usia, dan sebagainya adalah dianggap disebabkan oleh faktor perwarisan. Apa yang selalu digelar sains astrologi adalah sains perwarisan yang telah dibina dalam masa yang lama.

Kasih emosi bukan berasas dari kajihayat. Ia sebenarnya adalah anti-hayat dari segi tabiat dan arah. Kasih naluri mematu hukum-hukum kajihayat yakni termasuk juga kimia dan mengembang secara gabungan. Tetapi kasih emosi biasa terbina dari tarikan sesuatu yang anti-gabungan dan anti-kehayatan. Kasih emosi tidak mengesankan anak-anak jika tidak dibantu dengan kasih naluri. Tetapi ini jarang berlaku; jika demikian ia tidak membantu kehayatan. Kasih emosi "membina" beberapa jenis maklur yang ngeri seperti ikan duyung, janggutbiru, dan *des belles dames sans merci*. Kasih emosi tidak mengambil masa yang panjang, tetapi ia membangkitkan pembunuh itu. Kasih yang demikian mengakibatkan kebencian jika tiada kebencian yang demikian. Penyayang emosi itu dengan segeranya menjadi acuh tak acuh dan kemudian benci. Inilah akibat kasih emosi.

Kasih sedar jarang berlaku antara manusia; tetapi ia boleh dirujuk kepada hubungan manusia dengan kegemaran mereka kepada binatang dan tumbuh-tumbuhan. Perkembangan kuda dan anjing dari keadaan asasnya; penanaman bunga-bunga dan buah-buahan oleh manusia..... ini adalah contoh-contoh kasih sedar yang berbentuk primitif. Disebut demikian kerana motifnya masih egoistik dan utilistik. Dengan kata yang ringkas, manusia masih ada sifat utiliti terhadap ternakan kuda dan tanaman buah-buahan; dan tenaga buruhnya tidak boleh dianggap sebagai terhad kepada kasih sayang. Motif kasih sedar pada peringkat yang tinggi ialah suatu keinginan bahawa objek itu akan mencapai kelengkapan asasnya tidak terkira apa akan berlaku kepada kekasih itu. 'Jadi asalkan dia dapat melengkapkan dirinya apakah dihirau "I" ', kata penyayang yang sedar. 'Saya akan masuk ke neraka asalkan dia masuk ke surga.' Suatu paradoks sikap ini ialah bahawa ia membangkitkan sikap yang sama kepada objek itu. Kasih sedar menghasilkan kasih sedar. Kasih ini jarang berlaku kerana kebanyakan pemuda-pemudi hendak dikasihi tetapi tidak mengasih orang yang lain; tujuan melengkapkan jarang menjadi matlamatnya; mereka tidak tahu apa yang baik untuk seseorang yang dikasihinya; kasih sayang sedar itu tidak mungkin berlaku secara

chan (*probabilit*) tetapi adalah suatu perkara yang bermasalah, pasti dikerjakan dan dipilih secara sedar. Kerana ini adalah hasil kesenian maka kasih sayang sedar itu pasti suatu kerja kesenian. Kekasih yang demikian ini mengambil tugasnya, menyusahkan dirinya dan mungkin pada suatu hari mencapai kejayaan. Dia melengkapkan dirinya agar keinginan dan pertolongannya dapat melengkapkan kekasihnya.

Siapakah yang ingin mengusahakan kasih sedar ini? Biar dia mengemukakan keinginan emosi sendiri dan prakonsepanya. Biar dia merenung. Apakah gaya kekasihnya? Memang benar. Disini letaknya suatu misteri: suatu bau kesempurnaan, bau itu boleh dicium. Bagaimana kesempurnaan ini boleh dicapai ..... untuk kegembiraan kekasihnya dan tuhan yang membentuknya? Biar dia fikir, adakah dia sesuai? Dia hanya dapat menjawab yang dia tidak sesuai. Bagaimana dia boleh mengemukakan bahawa kesempurnaan kekasihnya masih seperti benih? Merendahkan diri dan sabar adalah sangat diperlukan. Kalau saya tidak dapat pastikan cara yang betul untuk menyempurnakan kekasih saya, biarlah saya memberi dia kebebasan untuk dia mengikut gaya dia sendiri. Dan pada masa itu haruslah dikaji apakah dia sebenarnya dan apakah dia

akan menjadi; apakah dia berkehendaki, apakah yang dikejar oleh jiwanya dan tidak dapat namanya. Meramal pada hari ini apa yang perlu untuk dia pada besuk. Dan tidak memikir akibat dari pertolongan itu, bak akibat yang bagus, baik yang buruk. Kamu akan lihat anak-anak lelaki dan perempuan, disiplin diri dan pendidikan diri yang perlu disini. Sesiapa yang berani biar dia masuk hutan ini. Tuhan-tuhan itu sayang satu sama lain secara sedar. Kekasih-kekasih yang sedar akan menjadi 'tuhan'.

Seseorang yang membanggakan yang dia mengasih-sayangkan, boleh mengasih-sayangkan ataupun harap dapat mengasih-sayang sebenarnya muka tembuk. Kasih yang bukan sedar itu, iaitu bukan bertujuan kecerdikan dan kebolehan dalam perkhidmatan kepada objeknya adalah gabungan atau anti-gabungan dan kedua-duanya adalah tidak sedar dan tidak dapat dikawal. Dalam kasih yang demikian adalah merbahayakan kepada diri sendiri, kepada pihak lain dan kepada kedua-duanya. Hubungan kita dengan kekasih kita menjadi suatu pertentangan dan kuasa pertentangan ini menjadi suatu tarikan yang natural; dan amat merbahaya. Kasih tanpa pengetahuan dan kuasa adalah becorak syaitan. Tanpa pengetahuan kekasih mungkin dijahanamkan. Siapa tidak tahu banyak

kekasih menjadi gila atau sakit disebabkan oleh kekasihnya. Tanpa kuasa penyayang itu akan melarat kerana dia tidak dapat menjalankan keinginan dan pengetahuannya untuk kebaikan kekasihnya. Manusia patut sembahyang agar dimaafkan dari pengalaman kasih sayang yang tanpa kecerdikan dan kuasa. Ataupun kalau mereka dapati bahwa mereka jatuh cinta maka mereka harus menyembahyang untuk dikurniakan dengan pengetahuan dan kuasa untuk memandu cinta mereka. Cinta itu tidak lengkap.

'Saya cintakan mu', kata lelaki itu.

'Anih! Saya tak rasa apa yang lebih menyenangkan dari sebutan itu!' kata perempuan itu.

Hakikat kasih itu tergantung kepada cara sesuatu agama itu dijelmakan didunia ini. Pertama datangnya agama kekuasaan, kemudian datangnya agama pengetahuan dan akhirnya datang agama kasih sayang. Ini adalah suatu kebenaran. Mengapa begitu? Kerana kasih sayang yang kurang kualiti-kualiti kuasa dan pengetahuan adalah merbahaya. Aturan ini yakni kuasa, pengetahuan dan kasih sayang adalah aturan natural tidak boleh diubah-ubah mengikut suka hati. Kuasa sahaja dan pengetahuan

sahaja tidak begitu bahaya dari kasih sayang sahaja. Kesempurnaan itu berkehendaki simultaniti ketiga-tiga faktor itu bukan aturan secara mekanik. Aturan mekanik ditegaskan disini kerana aktiviti manusia adalah mengikut aturan dan adalah lebih baik jika sesuatu itu dimulakan dari yang kurang merbahaya. Misalnya dari diktator yang kurang merbahaya kepada cinta yang buta. Pernah juga kita dapati suatu kesah yang tertimpa kepada seorang pemuda. Dia memakai suatu loceng kecil di lehirnya untuk memberi amaran kepada perempuan lain supaya jangan cuba mendekatinya. Dia memberi isyarat yang dia amat merbahaya. Akibatnya dialah yang menderita. Kecuali seseorang itu mempunyai kebijaksanaan dan kuasa yang sama dengan kasih sayangnya, janganlah sekali menganggap diri sebagai mampu dalam hal kasih sayang. Buatlah kasih sayang yang biasa dan belajarlah menjadi cerdik dan kuat. Bertujuanlah menjadi lebih berguna dalam hal ehwal kasih sayang.

Semua kekasih yang benar tidak dapat diruntuhkan kecuali kekasihnya. Ini adalah suatu hakikat dari kajian kasih secara keseluruhan. Kuasa ini berupa ajaib. Dalam kasih yang benar tidak akan berlakunya penggodaan.

Kerana biasanya berlaku tidak taat setiaan maka disimpulnya bahawa kejadian 'tidak-mudah-dilukai' dianggap tidak wujud. Tetapi permukaan tidak semestinya disebabkan oleh penggodaan tetapi mungkin dan biasa oleh sikap acuh tak acuh; dan tidak akan berlakunya kerobohan jika tidak ada penggodaan. Manusia harus membezakan dengan diri sendiri sesuatu asas yang benar atau palsu. Yang palsu itu biasanya adalah berdasar dari ketakutan. Hanya yang benar itu menjadi inti kasih sayang.

Ada seorang yang bijaksana dan berani, yang mempunyai keinginan yang kuat seperti semua lelaki dan perempuan, yang stabil dalam dirinya sendiri dan atas perempuan yang dikasihinya, membuat suatu percubaan berikut. Dia telah merasa beberapa perempuan dan menggalakkan kekasihnya berbuat demikian. Selepas beberapa tahun dia pun puas hatilah bahawa tiada apa yang boleh menggodakannya. Perempuan itu memang stabil dari mula-mulanya. Perempuan itu dilahir stabil; lelaki itu mencapainya.

Dalam keadaan kasih kita tidak dapat menghadkannya kepada suatu hubungan sahaja. Seseorang itu dapat menukar kasih itu dari suatu dimensa kepada dimensa yang lain. Yakni dia dapat menukarnya dengan tenaga jati

kasih. Tetapi dia mungkin bukan kekasih mu yang jati sungguh pun mu dapat menukarnya. Ada dikalangan manusia seperti dikalangan bahan kimia yang menjadi ejen katalisator yang membolehkan pertukaran dan gabungan tetapi mereka tidak memasuk dalam proses itu. Biasanya mereka tidak dikenali oleh pihak-pihak yang sedang kasih-mengasih dan juga mereka tidak sedar perbuatan mereka yang demikian.

Di kampung Bor-na yang berhampiran dengan Lhasa, terdapat seorang yang menjadi ejen katalisator yang demikian. Sesiapa yang bertutur dengan dia tiba-tiba jatuh cinta tetapi bukan dengan dia atau dikawan dia yang lain. Apa yang mereka sedar ialah apabila mereka bertutur dengan katalisator itu suatu galiran kasih akan timbul dan sedia menumpah untuk berkhidmat kekasih mereka.

Tidak ada kepastian bahawa kasih sayang itu akan mengakibatkan anak; tetapi ada kepastian antara kasih dengan kreasi. Kasih itu adalah untuk kreasi; dan kalau kreasi itu tidak dapat dicapai maka kasih itu bolehlah untuk prokreasi (yakni untuk melahirkan anak); dan kalau itu pun tidak dapat dicapai..... alas! Tetapi ada 'kreasi' yang malangnya kita belum sedar. Tetapi anggaplah sebagai suatu kebenaran bahawa kasih itu

memang kreatif. Kasih itu menyebabkan pembinaan dunia; tetapi bukan semua kerjanya cantik dan baik! Prokreasi bayi itu adalah fungsi kasih naluri. Ini ialah suatu kebolehan kasih naluri. Diatas dan dibawah 'fungsi' ini terdapat banyak lagi jenis-jenis kasih yang berfungsi lain. Kasih emosi adalah dianggap sebagai kasih naluri yang tersalah letak fungsinya; dan prokreasi bayinya juga adalah orang yang tak kena kepada tempatnya..... ataupun salah terletak di dunia ini. Kasih yang berbentuk tinggi itu biasanya tidak memasuk prokreasi bayi dan kalau berlakunya prokreasi bayi ini hanya 'produk luaran'nya. Tujuan dan fungsi kasih sedar bukan terletak pada prokreasi bayi. Tujuannya adalah kelahiran jiwa kali yang kedua yakni menghidupkan akal, emosi dan jasmani kedua-dua pihak yang sedang menyayang antara satu sama lain. Jika kita memerhatikan orang yang sedang dalam kasih saying baik mereka tua atau muda mereka akan didapati banyak berubah pada masa beberapa tahun. Biasanya perubahan ini berupa naluri; anihnya ia melambangkan perubahan yang lebih sedar atau kalau kedua-duanya melakukan secara sedar kasih itu. Dalam keadaan demikian kedua pihak akan merasa suatu suasana jiwa yang nyaman dan kekal muda; dan inilah suasana yang benar-benarnya suasana orang muda. Pembinaan suasana ini adalah suatu fungsi ajaib kasih

sedar; dan ini tidak tergantung kepada perkahwinan atau pun anak. Ada lagi bentuk kasih yang lebih tinggi tetapi kita tidak dapat mengalaminya jika kita belum menjadi kanak-kanak kecil!

Kita bukan satu tetapi tiga dalam satu; dan hakikat ini diwakili oleh tiga sistem saraf yang berada dalam badan kita iaitu akal, emosi dan naluri. Ketiga-tiga ini wujud bertepian dan kadang kala berupa sedang berkerja menolong satu sama lain tetapi sebenarnya jarang berlaku dan selalu saling merosakan satu sama lain. Tindakbalas dari organisma itu bergantung kepada tiga 'orang' (personaliti) yang berada dalam organisma itu. Sesuatu rangsangan dari dunia luar mempunyai tindakbalas dari 'orang' yang pada masa itu sedang bertugas didalam badan organisma itu. Kalau 'orang' itu ialah akal maka tindakbalas ialah manifestasi fikiran, kalau 'orang' itu ialah emosi maka ia merasa sahaja dan kalau 'orang' itu naluri maka ia merefleks (merangsang) sahaja. Biasanya ketiga-tiga 'orang' itu saling bergaduh. Cuba kamu bayangkan jika organisma itu dalam keadaan demikian dan berlakunya ketiga-tiga bahagian akal, emosi dan jasmani jatuh cinta pada masa yang sama atau cinta kepada objek yang sama. Seorang jatuh cinta tetapi yang lain tidak; kalau mereka tak membangkang mereka tidak taat setia dan

selalu membohong; atau pun mereka memaksa dan memukul satu sama lain. Dalam keadaan yang demikian apakah maknanya kasih sayang sebenarnya?

Kamu berfikir bahawa kamu suci kerana kamu menjauhi hubungan sex tetapi kesucian ini berkenaan dengan penderiaan dari organ terutama sekali dengan organ mata. Dari setiap organ itu akan mengalir tenaga..... kualitasnya tergantung kepada orang itu sendiri. Ini bukan sahaja tidak mustahil tetapi amat benar kerana kamu selalu menggunakan tenaga kamu dalam memikir, merasa dan hubungan sex melalui deria kami. Memandang dengan bernaflu itu adalah lebih rumit dari memandang secara biasa. Ini perlu menggunakan bahan-bahan (*hidrogen*) yang sangat halus yang boleh didapati dari tenaga sex..... sesuatu telah memasuki dalam proses memandang dan tidak dapat ditarik balik lagi; dan nafsu yang terjadi itu tidak dapat disempurnakan tetapi masih menjelma larut dalam masa. Proses ini sama dengan proses penderiaan lain tetapi tidak begitu jelas. Dalam perkataan yang pendek seseorang itu boleh menjadi tak berdaya dalam sex melalui penderiaan sahaja..... ya, melalui mata sahaja..... dan ini dianggap sebagai suci bukan sebagai tak berdaya dalam sex.

Menjauhi hubungan sex kedieriaan adalah biasa kepada hanya beberapa orang sahaja; dan ramai orang harus mencapainya jika perkara ini hendak dijadikan sebagai suatu kebiasaan. Baghdad, sebuah ibukota yang dibina sejak tamaddun (yang terbesar sekali) dahulu kala, termasyhur dalam hal 'chastity'. Setiap sensasi dilatih dengan teliti; dan latihan dicipta untuk membolehkan pelajar-pelajar 'chastity' membezakan emanasi-emanasi yang berbeza yang datang dari persepsi intelek, emosi dan naluri dan yang hebat dibangkitkan. Dengan pendidikan yang demikian pelajar-pelajar dapat mengarahkan penderiaan mereka supaya 'chastity' dapat dicapai kerana ia ada dalam kawalan. 'Erotisma' menjadi suatu kesenian yang paling tinggi. Bayangannya boleh didapati dalam sastra Persia dan Sufi hingga hari ini.

'Bluebeard' dan '*La Belle Dame*' adalah dua contoh yang terhasil dari hukum psikologi yang sama..... penganut yang kecewa kerana salah fungsi organ. Mayat perempuan yang digantung didalam bilik 'Bluebeard' sebenarnya dilahirnya dan mereka hanya dilepaskan sahaja supaya mereka bebas. Begitu juga pahlawan-pahlawan dan putera-putera yang pucat di gua *La Belle Dame* ada disitu kerana pilihan (jika sesuatu tarikan yang tidak dapat dielakkan itu dinamakan pilihan). Kita memandang legenda

'Bluebeard' dan '*La Belle Dame*' dari segi kebebasan mangsa-mangsanya, yakni sebagai gergasi gila yang gilang membuat niat yang erotik. Tetapi gergasi gila dan mangsa-mangsanya kedua-duanya adalah mangsa juga; mereka menghadapi kesengsaraan yang terlampau. Dalam tarikan yang tak dapat dikawal ini kuasa melalui suatu media dan orang itu menjadi dahsyat dan magnetik; dan mangsa-mangsanya akan ditarik melalui hubungan simpatetik itu seperti serbuk besi ditarik oleh sebuah magnet. Pada mulanya niat gergasi gila itu memang memuaskan kepadanya memuaskan kebanggaannya dan mangsa-mangsanya dipijak dibawah kakinya. Tetapi apabila kesedarannya berubah dan dia sedar akan kelemahannya permuasannya akan dibayar dengan akibat yang sangat buruk. Mengubati orang-orang ini adalah sukar. Ini mengandungi pendidikan badan dan sensasi.

Kasih tanpa kesedaran adalah pada peringkat permulaan. Untuk mengasih pekasih itu harus sedar sejak lama dahulu sebelum kekasihnya sedar akan perkara itu dan boleh mengasih. Dia lebih kenal kekasihnya dan kekasihnya tidak begitu kenal dirinya sendiri; kekasihnya tidak begitu kasih akan dirinya sendiri daripada dia; kekasih disempurnakan tanpa upayanya sendiri. Keupayaannya (kalau



kasih sayang itu *mutual*) adalah untuk kekasihnya. Jadi mereka seri menyempurnakan sesama lain.

Tetapi keadaan itu jarang berlaku di dunia ini, kerana itu hasil kesenian dan latihan diri sendiri. Ramai orang ingin kepadanya tetapi ini jarang berlaku mengikut hukum chan (*probabiliti*), dan sampai sekarang belum lagi didapati manusia menerbitkan kekunci untuk menciptakannya dan kebanyakan manusia menyangsikan kemungkinannya. Tetapi ini dapat dihasilkan dengan syarat kedua yang jatuh cinta itu boleh belajar dan mengajar dari satu sama lain dengan rendah hati. Bagaimana memulakannya? Biar penyayang memikir apa yang dia akan melakukan dan sebutlah sebelum berjumpa dengan kekasihnya supaya memberi kekasihnya suatu kehairanan. Pada mula-mulanya ini berupa suatu kehairanan tetapi tidak lengkap; iaitu dia sedar apa yang dia hajati merasa suka kerana kamu dapat menekinya. Kemudian kesukaan itu mungkin akan menyebabkan suatu kehairanan dan catitannya akan menjadi berikut; Bagaimana kau tahu saya akan mengasih kerana saya sendiri tidak tahu? Hendaklah selalu meramalkan keinginan kekasih mu pada masa belum disedarkan lagi akan mengakibatkan kasih sedar.

Biarlah berani 'menarik' kekasih mu dengan erat-erat; biarlah berani 'melepaskan' dia. Inilah suatu rahsia yang mutamad dalam kasih cinta. Untuk setiap trajedi berbentuk 'Romeo-dan-Juliet' yang menjelma dari situasi luar antara kedua pihak itu, beribu-ribu trajedi menjelma dalam keadaan luar yang dijadikan oleh kedua pihak diri mereka sendiri. Sebab mereka tidak tahu masa untuk 'menarik' dan 'melepaskan'. Jurang-jurang Gunung Meru (yakni Venusberg) dipercayai penuh dengan pekasih-pekasih yang tidak dapat berpisah. Ada juga yang ingin 'melepaskan' kekasihnya tetapi dilarang oleh kekasihnya. Kejadian yang sedih ini mempunyai beberapa keterangan. Kebanyakannya adalah kerana kesalahannya kaedah; yakni kedua-dua pihak telah jatuh cinta dengan tiba-tiba dan tidak tahu jalan untuk melepaskan diri mereka. Biasanya pertemuan pertama itu sungguhpun masanya hanya lima minit sahaja akan menjadi penentuan seluruh hubungan pada masa akan datang. Dapat juga beberapa kes yang mana hubungan asas pada mula-mulanya yang tidak baik mengakibatkan kesukaran 'melepaskan diri' pada masa yang akan datang. Sebenarnya ini tidak patut berlaku; jika berlakunya tak patut pada masa yang tepat. Pengiraan masa yang salah selalu mengakibatkan kesukaran. Ada juga terdapat kesukaran yang timbul dari perbezaan umur, pendidikan dan 'asasan'.

Seseorang itu takut 'melepaskannya' kerana ini merupakan harapan yang terakhir ataupun ia adalah yang baik sekali hingga sekarang ataupun banyak masa telah digunakan hingga sekarang ataupun 'ideanya' yang terbina oleh pendidikan berkehendakan kesetiaan yang abadi dan ini mustahil kerana ia tidak diinginkan oleh kedua-duanya; ataupun seseorang daripadanya sangat sensitif kerana pengalaman lepas dan tidak boleh menghadapi kegagalan yang kedua, ataupun jasmaninya berkehendaki tetapi rohnya lemah yakni kedua-dua parti itu tidak dapat menggunakan pisau; atau keadaan keliling tidak sesuai yakni kedua-dua parti selalu berjumpa satu sama lain; ataupun kerana imaginasi yakni seseorang daripada mereka menggambarkan kegembiraan kekasihnya tanpa berjumpa dengannya. Ada beberapa ribu keterangan yang kita boleh beri tetapi setiap keterangan itu sungguhpun lengkap sebagai penyebab ia adalah tidak lengkap dalam penakulan. Jika seseorang itu ingin memisah, pihak yang lain itu patutlah bertugas-kasih-sayang untuk 'melepaskan' dia. Percintaan yang paling besar itu boleh 'melepaskan' dan juga 'menarikan'!

Cemburu adalah naga dalam surga; adalah neraka dalam surga; dan juga emosi yang paling pahit kerana berhubung dengan yang paling manis sekali. Kasih cinta itu boleh

menghapuskan cemburu tetapi kasih cinta itu mestilah kasih cinta sadar. Mengubati cemburu itu dengan kasih cinta sadar adalah sukar. Ada juga beberapa syarat untuk mengubatinya. Pertama mengenali diri sendiri. Dalam keadaan ini biarlah penderita itu membuat percubaan atas dirinya sendiri. Dalam proses percubaan ini kita harus memaafkan dia selalu. Dia mungkin akan mengemukakan suatu rancangan dari kekasihnya dahulu..... tetapi ini sukar jika tidak 'hipokrit'. Atau dia mungkin mengemukakan suatu rancangan masyarakat baru. Atau dia akan mencari suatu kerja yang baru dan menghabiskan semua tenaganya. Atau dia akan menyihirkan ingatannya dan menganggap kekasihnya dahulu sudah mati; ataupun menjadikan dia kakak dia; ataupun kekasihnya telah melawat suatu tempat yang jauh; ataupun telah pesona. Yang paling baik sekali bagi orang yang demikian ialah melepaskan kekasihnya dengan tidak mengharapkan akan pertemuan pada masa akan datang.

Biar hati senang. Kehidupan kita adalah suatu hari daripada KEHIDUPAN kita yang sebenarnya. Kalau bukan hari ini, besoklah! Lepaskan dia!

## **PANDANGAN-PANDANGAN KEFALSAFAHAN**

Tentu ada hubungan batin antara kasih dengan kematian. Suatu rasa baru mengemuka didepan kita mengenai aspek-aspek yang paling misterius berkenaan kewujudan kita. Aspek-aspek ini akan dirasakan apabila kita menghubungi keabadian..... dalam kasih dan dalam kematian. Dalam mitologi Hindu kasih dan kematian adalah dua permukaan dewa. Tuhan penciptaan alam, Siva, adalah juga tuhan kematian dasyhat, pembunuhan dan penjahanaman. Isteri dia Parvati adalah tuhan kecantikan, kasih sayang dan kegembiraan, dan dia juga Kali atau Durga iaitu tuhan kesyaitanan, kecelakaan, kesakitan dan kematian. Penyatuan Siva dengan Kali adalah tuhan-tuhan kebijaksanaan, tuhan-tuhan pengetahuan yang baik dan yang jahat.

Dalam buku dia, "The Drama of Love", Edward Carpenter dapat menentukan hubungan kita kepada aspek-aspek kewujudan ini yang enigmatik dan tidak dapat difahamkan secara dalam:

Kasih dan kematian melalui dunia ini seperti aspek-aspek yang berasingan ——— mengalir dibawah satu sama lain sebenarnya,

dan berwujud dimana-mana sahaja, tetapi berupa milikan kewujudan yang lain.

Dan lagi:

Bentuk-bentuk ini, Kasih dan kematian, melalui dunia ini seperti sahabat yang paling rapat sekali, tidak pernah berpisah, dan bersama-sama mereka berlagak kemewahan; dan tetapi mereka seperti musuh yang tidak dapat didamaikan, menekam satu sama lain, membina sekali lagi apa yang telah dibina oleh pihak yang lain dan melawan untuk badan dan jiwa manusia.

Perkataan diatas ini mengemukakan isi enigma yang menghadapi, mengelilingi kita untuk membina atau menghapuskan kita. Tetapi hubungan manusia kepada dua aspek enigma ini adalah tidak sama. Ganjil beritanya, 'muka kematian' itu adalah lebih menarik dalam imaginasi mistik manusia dari 'muka kasih'. Ada banyak percubaan untuk memahami dan mendefinisikan maksud dan makna yang tersimpan dalam fenomena kemaian; semua ugama, semua doktrin-doktrin ugama memulakan dengan memberi 'idea' tentang kematian. Adalah mustahil membina suatu sistem 'dunia-fikiran' tanpa beberapa definisi tentang fenomena kematian; dan ada banyak sistem lagi seperti 'spiritisma' sezaman

yang penuh dengan doktrin kematian dan kewujudan selepas kematian.

Masalah kasih selalu dipandang oleh orang-orang sezaman sebagai sesuatu yang telah diberi, sebagai sesuatu yang telah difahami dan telah diketahui dan bukan sesuatu yang masih dalam perubahan, sebagai sesuatu yang belum difahami dan belum diketahui. Banyak sistem-sistem yang berlainan memberi sedikit sahaja yang boleh menjelaskan fikiran kita tentang kasih. Sebab demikian dan sungguhpun kasih itu sebenarnya adalah enigma yang sama seperti enigma kematian tetapi kita kurang mengkajinya. Ini adalah anih. Kita berupa telah membina suatu standard yang kering (selepas dipotong) tentang segala fahaman kasih, dan manusia selalu menerima dengan tidak berfikir segala definasi yang dikemukakan sebagai definasi yang mutlak. Kesenian itu mengambil perhatian yang dalam tentang kasih. Ini memang demikian kerana sifat- sifatnya banyak berkenaan dengan asal-usul kasih; kasih itu sejak dahulu dan pada masa sekarang adalah asas pembentukan kesenian.

Pada hakikatnya, kasih itu adalah juga suatu fenomena kosmik. Manusia adalah suatu 'kemalangan' hubungan dan galiran kasih kosmik itu.

Kasih itu adalah lain daripada kejadian-kejadian yang biasa berlaku di muka bumi.

Mungkin kasih itu adalah dunia yang mengandungi roh-roh yang ganjil yang pada masa yang tertentu meninggal didalam manusia, menguasai mereka dan menjadikan mereka batu loncatan. Mungkin juga ia adalah suatu tempat di Dunia Dalam yang mana jiwa manusia memasukinya sekali-kali dan mengikut hukum-hukumnya tertentu dan yang mana badan-badan fizikal mereka masih di permukaan bumi dan mematu hukum-hukum bumi. Mungkin juga ia (kasih) adalah kerja alkimia 'seorang Mahaguru' yang mana jiwa-jiwa dan badan-badan fizikal manusia memainkan peranan UNSUR yang membentuk suatu keseluruhan jiwa yakni sebagai batu para falsafah (philosopher's stone). Ataupun suatu kuasa magnetik yang ajaib yang diperlukan dari badan kita untuk suatu tujuan yang tidak dapat di fahamkan.

Hubungan kasih itu kepada kehidupan kita berupa ketuhanan, adakala dahsyat, adakala berbentuk kebajikan tetapi tidak menjadi hamba kita, tidak menolang kita untuk tujuan kita. Tetapi manusia selalu merebut kasih untuk dirinya sendiri, menggunakannya untuk kepentingan dirinya dalam kehidupan

sehari hari..... tetapi ini bukan kasih yang jati, ini mustahil kerana ini adalah memaksa tuhan untuk menjadi hamba dirinya. Akibatnya manusia yang menyalahgunakan hakikat yang batin untuk menyayat dengan hati yang jati adalah dahsyat.

Oleh kerana kurang memahami asal usul kasih manusia maka tidak fahamlah akibatnya. *Para positivis* dan *para spiritis* memahami akibat kasih sebagai 'demi untuk melahirkan anak dan melanjutkan pembiakan jenis'. Tetapi ini hanyalah hakikat dari segi keobjektifan dari segi 'material'. Pada hakikatnya kasih itu bukan semuanya 'material'..... hanya aspek kebendaan itu yang boleh dikatakan aspek kebendaan kasih dan ini adalah bahagian yang kecil jika dibanding dengan aspek kerohaniannya yang lebih besar. Aspek kerohanian ini adalah sukar untuk diperhatikan kerana kerohanian itu tidak dapat diderikan dengan begitu mudah sahaja.

Dari pandangan sains TUJUAN kasih itu adalah untuk meneruskan pembiakan. Lebih tepat lagi, kasih cinta itu adalah suatu mata rantai dari seluruh rantai kebenaran tentang fenomena pembiakan. Mengikut sains kuasa ini menarik lelaki dan perempuan bersama-sama demi untuk kepentingan pembiakan yakni melahirkan bayi dan pembiakannya

mengikut jenis mahluk yang memainkan peranan pembiakan. Kalau kita menganggap kasih cinta dari segi ini maka adalah sukar untuk memahami bahawa kuasa kasih ini hanya sebahagian sahaja. Ada lagi banyak kuasa kasih selain daripada pembiakan dan manakah manifestasinya?

Kita sedar bahawa tiada sesuatu yang akan hilang jika kita memandang dari segi keabadian tenaga. Jika wujudnya tenaga, maka tenaga ini akan menukar-bentuk dan menjelma menjadi bentuk yang lain. Kalau sebahagian dari tenaga ini digunakan untuk pembiakan, bahagian yang lain juga akan digunakan untuk membina sesuatu pada masa depan. Tetapi apakah dia? Kita sedar bahawa di dunia fizikal ini banyak kejadian-kejadian diakibatkan oleh fungsi secara langsung dan ini memakan sebahagian kecil dari seluruh tenaganya dan kebanyakan tenaga digunakan dengan tidak memulangkan apa-apa pun. Sebenarnya tenaga ini tidak hilang, tidak dibazirkan, tetapi digunakan untuk tugas-tugas yang lain, tugas-tugas yang berbentuk tidak secara langsung.

Kita ambil satu contoh untuk menjelaskan apa yang telah disebut diatas. Katakan sebatang lilin sedang dibakar. Ia memberi cahaya. Tetapi ia lebih memberi haba

daripada cahaya. Cahaya itu ialah fungsi secara langsung dari lilin itu. Haba ialah fungsi yang bukan secara langsung dari lilin itu. Tetapi kita masih dapat lebih haba daripada cahaya. Untuk memberi cahaya lilin itu harus membakar. Pembakaran itu ialah suatu syarat untuk mendapati cahaya dari lilin itu; adalah mustahil untuk melupakan sahaja pembakaran itu; tetapi pembakaran yang sama inilah yang sedang memberi haba. Pada mulanya kita akan anggap haba yang dibina dari pembakaran itu adalah tidak produktif, tidak menghasilkan apa-apa pun; kadang-kadang ia berupa 'pengacau kerana kalau sesuatu bilik itu dikandungkan dengan lilin-lilin yang membakar ia akan menjadikan bilik itu panas. Tetapi kebenarannya ialah bahawa cahaya itu didapati dari suatu lilin yang sedang dalam proses pembakaran, ..... dari perkembangan haba dan gerakan kumin-kumin dalam gas itu.

Keadaan kasih itu dan keadaan pembakaran lilin itu adalah sama. Kita boleh sebut sebahagian kecil tenaga kasih sayang digunakan untuk pembiakan; kebanyakan tenaganya digunakan oleh ibu bapa untuk emosi diri mereka sendiri. Tetapi ini adalah perlu, kalau tidak perkara yang penting tidak akan dicapai. Hanya kerana manifestasi emosi ini, hanya kerana segala 'tempest' emosi, rasa,

didihan, keinginan, fikiran, mimpian, fantasi, penciptaan dalam, hanya kerana kecantikan yang dicipta, barulah kasih dapat memenohi fungsinya dengan segera.

Kita harus ingat bahawa kelebihan tenaga itu tidak dibazirkan langsung tetapi telah ditukar kepada bentuk-bentuk tenaga yang lain dan dapat dipastikan. Dengan kata yang secara amnya, akibat secara tidak langsung itu kadang-kadang didapati lebih penting daripada akibat yang secara langsung. Jika kita dapat mencari bagaimana tenaga kasih itu ditukar kepada naluri, buah fikiran, daya-daya kreatif pada peringkat yang berlainan, misalnya kepada lambang-lambang kesenian, lagu, muzik, pantun, maka kita boleh membayangkan bagaimana tenaga ini dapat juga ditukar kepada intuisi-intuisi peringkat tinggi, kepada kesedaran peringkat tinggi yang mana akan mengemukakan suatu dunia yang amat indah dan mistirius.

Dalam segala Alam yang hidup (mungkin termasuk juga segala yang kita anggap tidak bernyawa) kasih sayang itu ialah suatu kuasa motif yang menjalankan aktivi-aktiviti kreatif dalam lapangan yang paling luas.

Pada musim bunga burung-burung mulai menyanyi dan membina sarang apabila emosi kasih dibangkitkan.

Dalam pandangan para positivist menyanyi itu adalah untuk menarik jantina yang berbeza dan sebagainya. Dan para positivist juga mengaku bahawa ada banyak nyanyian diperlukan untuk pembiakan jenis. Tetapi mereka anggap 'nyanyian' itu adalah suatu produk luaran ("by-product") yang terjadi dari kaedah kemalangan pembiakan. Tetapi mungkin juga nyanyian ini adalah asas kepada jenis mahluk tersebut, adalah kefahaman kewujudannya sebagai mahluk dan nyanyian ini perlu bukan untuk menarik betina tetapi untuk suatu keharmonian Alam yang jarang kita sedar.

Dari sini kadang-kala apa yang dianggap sebagai penyebab asas adalah sebenarnya akibat.

Lagi, sebelum anak itu dicipta ataupun sebelum hubung sex, "rumahtangga" telah menjadi tugas mereka. Kasih memberi ilham kepada aktiviti ini dan naluri mengarahkannya. Tugas ini memula semasa timbulnya kasih. Keinginan yang sama membina suatu generasi baru. Keinginan yang sama menggerakkan aktiviti kreatif diseluruh arah, mengikatkan

pasangan kekasih itu untuk pembiakan dan menjadikan mereka bina generasi baru.

Perkara yang sama berlaku di dunia manusia; disitu juga kasih itu adalah daya kreatif. Dan aktiviti-aktiviti kreatif itu bukan sahaja memmanifeskan kesatu atau dua arah tetapi kebanyak arah. Tetapi fungsi asasnya kita tidak sebenarnya tahu.

Sungguhpun tanpa rujukan kepada tujuan kasih itu, kita harus sedar bahawa semua aktiviti-aktiviti kreatif manusia diakibatkan oleh suatu keadaan kasih. Keseluruhan dunia kita mengelilingi kasih itu dan kasih itu menjadi pusat putaran.

Kita menjalankan tugas kasih dengan - tidak sedar kepadanya. Didalam kasih ada tersembunyi banyak sifat mementingkan diri, kemewahan dan keseorangan. Kalau dunia ini hanya dibina dengan kasih sahaja maka pun tidaklah berlaku pencurian, pengkhianatan, pembunuhan, dan lain-lain lagi. Kasih itu adalah suatu kuasa upaya yang boleh mengoyakan topeng-topeng yang tidak baik dan mereka yang lari dari kasih adalah mereka yang ingin memelihara topeng-topeng mereka.

Kalau api kasih itu selalu dibersihkan dari musuh-musuhnya maka mungkin pada

suatu hari kelak suatu daya akan timbul dari kalangan manusia yang boleh membebaskan kita dari penjara kebendaan dan memimpin kita ke arah yang.....

Kebanyakan kisah-kisah kasih sayang dalam dunia moden ini telah menjadi suatu permainan emosi dan sensasi. Dan kebanyakan kisah-kisah sayang adalah kemurtadan. Suatu pandangan yang dalam diperlukan untuk memahami makna yang sebenarnya tentang kasih dan sesiapa yang boleh memandang dengan dalamnya akan merasai suatu pembaharuan dalam hatinya.

Saya akan mencatat suatu pantun dalam bentuk prosa yang terkarang oleh Edward Carpenter dari bukunya yang berjudul "Towards Democracy":

## THE OCEAN OF SEX

*To hold in continence the great sea, the great ocean of Sex, within one,*

*With flux and reflux pressing on the bounds of the body, the beloved genitals,*

*Vibrating, swaying emotional to the starglint of the eyes of all human beings,*

*Reflecting Heaven and all Creatures,*

*How wonderful!*

*Scarcely a figure, male or female, approaches, but a tremor travels across it.*

*As when on the cliff which bounds the edge of a pond someone moves, then in the bowels of the water also there is a mirrored movement,*

*So on the edge of this Ocean.*

*The glory of the human form, even faintly outlined under the trees or by the shore, convulses it with far reminiscences;*

*(Yet strong and solid the sea-banks, not lightly overpassed);*



*Till maybe to the touch, to the approach, to  
the incantation of the eyes of one,*

*It bursts forth, uncontrollable.*

*O wonderful ocean of Sex,*

*Ocean of millions and millions of tiny seed-  
like human forms contained (if they be truly  
contained) within each person,*

*Mirror of the very universe,*

*Sacred temple and innermost shine of  
each body, Ocean-river flowing ever on through  
the great trunk and branches of Humanity,*

*From which after all the individual only  
springs like a leaf-bud!*

*Ocean which we so wonderfully contain (if  
indeed we do not contain thee), and yet who  
containest us!*

*Sometimes when I feel and know thee  
within, and identify myself with thee, Do I  
understand that I also am of the dateless brood  
of Heaven and Eternity.*

*~ THE END ~*